



ALLIANCE BANK

ALLIANCE ISLAMIC BANK

Kempen Coolest Cashback Terma dan Syarat

1. “Kempen Coolest Cashback” (“Kempen”) dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dan Alliance Islamic Bank Berhad (“Bank”), dan akan berlangsung mulai **1 Oktober 2022 hingga 30 November 2022**; termasuk kedua-dua tarikh tersebut, kecuali dinyatakan sebaliknya (“Tempoh Kempen”).
2. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (sebagaimana yang ditakrifkan di bawah ini) diingatkan supaya membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya segala Terma dan Syarat yang terkandung di sini sebelum memberi persetujuan untuk terikat sepenuhnya dan menerima segala Terma dan Syarat tersebut.
3. Pelanggan Baharu dan Sedia Ada yang memenuhi syarat yang ditetapkan di sini akan dirujuk secara kolektif sebagai “Pelanggan yang Layak”. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a) Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang dormant atau tidak aktif atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - b) Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang menurut dasar dalaman Bank tidak dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - c) Mana-mana individu yang dikecualikan oleh Bank mengikut dasar dalamannya; atau
 - d) Pekerja tetap dan/atau pekerja kontrak Alliance Bank (termasuk subsidiarinya dan syarikat yang berkaitan) adalah tidak layak untuk mengambil bahagian; atau
 - e) Pelanggan pembayaran gaji di bawah Alliance@Work.
4. Untuk melayakkan diri bagi Cashback yang ditetapkan dalam **Jadual A** di bawah (“Cashback”), Pelanggan yang Layak perlu membuat permohonan untuk mendapatkan produk yang berkenaan dalam Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria minimum yang dinyatakan dalam **Jadual A**.
5. Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan Cashback untuk Produk yang Layak yang memenuhi Terma dan Syarat Kempen dan dihadkan pada jumlah maksimum RM288 bagi setiap Pelanggan yang Layak.

Contoh 1:

- I. Pelanggan yang Layak perlu membuka Akaun SavePlus/-i (produk pertama) dengan akses mudah alih allianceonline, meletakkan deposit minimum sebanyak RM50 ke dalam akaun tersebut dan mengekalkan deposit tersebut sehingga hari terakhir bulan tersebut. Mereka layak mendapat Cashback sebanyak RM38 yang akan dikreditkan ke dalam Akaun SavePlus/-i mereka dalam tempoh 6 minggu selepas bulan pembukaan akaun.
- II. Apabila Pelanggan yang Layak mendapatkan Kad Kredit **atau** Pinjaman/Pembiayaan Peribadi//Banca (produk kedua) yang memenuhi Kriteria Kempen **seperti pada Jadual A**, Pelanggan yang Layak tersebut kemudiannya layak mendapat Cashback berjumlah RM98;
- III. Pelanggan yang Layak selanjutnya layak untuk mendapatkan Cashback sebanyak RM288 apabila Pelanggan yang Layak berjaya membuat permohonan bagi 4 produk (SavePlus/-i + Kad Kredit + Pinjaman/Pembiayaan Peribadi+ Banca).
- IV. Baki Cashback iaitu RM60 (untuk 2 Produk yang Layak) atau RM140 (untuk 3 Produk yang Layak) atau RM250 (untuk 4 Produk yang Layak) akan dikreditkan kepada CASA mereka dalam masa 90 hari (3 bulan) selepas Tempoh Kempen tamat.

Jadual A:

UNTUK PELANGGAN BANK/PRODUK YANG BAHARU

Produk yang Layak	Kriteria Kempen	Cashback
Akaun SavePlus/-i	Membuat permohonan untuk membuka Akaun SavePlus/-i melalui eKYC, mempunyai akses mudah alih	• Untuk mendapatkan Cashback di bawah,

Produk yang Layak	Kriteria Kempen	Cashback
	<i>allianceonline dan mengekalkan baki minimum sebanyak RM50 pada penghujung bulan pembukaan akaun.</i>	<i>Pelanggan yang Layak perlu membuka Akaun SavePlus/-i melalui aplikasi mudah alih allianceonline (eKYC) sebagai produk yang pertama.</i>
<i>Kad Kredit</i>	<i>Mendapatkan Kad Kredit utama Visa Infinite atau Visa Platinum atau Visa Signature Alliance Bank yang baharu.</i> <i>Mengaktifkan kad dalam masa 30 hari dari tarikh kad kredit diluluskan.</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Cashback sebanyak RM38 sekiranya Pelanggan yang Layak mendaftar untuk 1 Produk yang Layak dan memenuhi kriteria kempen.
<i>Pinjaman/Pembiayaan Peribadi</i>	<i>Membuat permohonan bagi Pinjaman/Pembiayaan Peribadi semasa Tempoh Kempen dan bayaran dikeluarkan pada atau sebelum 15 Disember 2022.</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Cashback sebanyak RM98 sekiranya Pelanggan yang Layak mendaftar untuk 2 Produk yang Layak dan memenuhi kriteria kempen. • Cashback sebanyak RM178 sekiranya Pelanggan yang Layak mendaftar untuk 3 Produk yang Layak dan memenuhi kriteria kempen. • Cashback sebanyak RM288 sekiranya Pelanggan yang Layak mendaftar untuk 4 Produk yang Layak dan memenuhi kriteria kempen.
<i>Produk Banca di allianceonline</i>	<i>Melanggan produk Banca yang ditaja jamin oleh Zurich General Insurance Malaysia Berhad (ZGIMB) secara dalam talian atau melalui app mudah alih allianceonline atau laman web allianceonline.</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Cashback sebanyak RM288 sekiranya Pelanggan yang Layak mendaftar untuk 4 Produk yang Layak dan memenuhi kriteria kempen. <p>Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapatkan Cashback sehingga RM288</p>

Contoh 2:

- I. Pelanggan yang Layak membuka Akaun SavePlus/-i melalui aplikasi mudah alih allianceonline (produk pertama) dan menandatangani RM20 ke dalam akaun tersebut.
- II. Pelanggan yang Layak kemudiannya mendapatkan Kad Kredit **atau** Pinjaman/Pembiayaan Peribadi **atau** Banca (produk kedua) yang memenuhi Kriteria Kempen **sebagaimana dalam Jadual A**.
- III. Pelanggan yang Layak akan memperoleh Cashback berjumlah RM38 kerana Pelanggan yang Layak tidak memenuhi salah satu daripada Kriteria Kempen.

Contoh 3:

- I. Pelanggan yang Layak membuka Akaun SavePlus/-i (produk pertama), menandatangani RM50 ke dalam akaun tersebut dan mempunyai akses mudah alih allianceonline.
- II. Pelanggan yang Layak selanjutnya mendapatkan Kad Kredit dan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi dalam Tempoh Kempen ini. Bagaimanapun, Pelanggan yang Layak tidak mengaktifkan Kad Kredit tersebut.
- III. Pelanggan yang Layak akan mendapat Cashback berjumlah RM98 kerana Pelanggan yang Layak tidak memenuhi salah satu daripada Kriteria Kempen ini.

Contoh 4- Bagi pelanggan bank sedia ada yang telah memegang Akaun Semasa/Simpanan yang sah dengan Bank dan mendaftar bagi produk baharu:

- I. Pelanggan yang Layak mendapatkan Kad Kredit dalam Tempoh Kempen.
- II. Pelanggan yang Layak akan memperoleh Cashback sebanyak RM38 kerana Pelanggan yang Layak telah berjaya mendapatkan 1 produk sahaja.
- III. Sekiranya Pelanggan yang Layak seterusnya mendapatkan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi atau Banca yang memenuhi Kriteria Kempen ini sebagaimana dalam Jadual A, Pelanggan yang Layak akan mendapat Cashback sebanyak RM98.

Terma dan Syarat Tawaran Akaun Alliance SavePlus/-i

6. Cashback ini adalah terbuka kepada pelanggan berikut ("Pelanggan yang Layak"):
 - a. Pelanggan Bank yang baharu atau sedia ada yang berumur 18 tahun ke atas yang tidak mempunyai Akaun Semasa/ Simpanan/-i ("CASA/-i") termasuklah Akaun SaveLink, Akaun Dagangan Saham dan Pembiayaan Margin Saham ("SMF") dengan Bank sahaja.
7. Untuk melayakkan diri bagi Cashback sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Jadual A** di atas, Pelanggan yang Layak perlu memulakan proses pembukaan Akaun yang Layak melalui aplikasi mudah alih allianceonline, proses Kenali Pelanggan Anda secara elektronik ("eKYC"). Nombor KP dan telefon bimbit Pelanggan yang Layak perlu disimpan dalam sistem Bank melalui proses OTP. Pembukaan akaun perlu disempurnakan dengan meletakkan deposit permulaan minimum untuk mengaktifkan akaun tersebut dalam Tempoh Kempen, di mana sekiranya tidak dilaksanakan, Bank berhak membatalkan Cashback tersebut.
8. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut **TIDAK** layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
 - a. Pelanggan yang mempunyai Akaun dengan Bank yang dorman atau tidak aktif atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - b. Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang menurut dasar dalaman Bank tidak dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - c. Mana-mana individu yang dikecualikan oleh Bank mengikut dasar dalamannya; atau
 - d. Pekerja tetap dan/atau pekerja kontrak Bank (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan); atau
 - e. Pelanggan pembayaran gaji di bawah Alliance@Work
9. Semua Pelanggan yang Layak yang telah berjaya membuka Akaun SavePlus/-i ("Akaun yang Layak") dengan akses mudah alih allianceonline dan mengekalkan baki minimum sebanyak RM50 sehingga hari terakhir bulan pembukaan akaun layak mendapat Cashback.

Contoh 5:

Apabila Pelanggan yang Layak membuat pendaftaran bagi Akaun yang Layak dengan akses mudah alih allianceonline pada 5 Oktober 2022, meletakkan deposit RM50 ke dalam akaun dan mengekalkannya dalam akaun tersebut sehingga 31 Oktober 2022, mereka layak mendapat Cashback sebanyak RM38 yang akan dikreditkan kepada Akaun yang Layak dalam masa 6 minggu selepas bulan pembukaan akaun.

10. Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh mendapatkan satu (1) kali Cashback sahaja. Sekiranya atas apa juga sebab Pelanggan yang Layak mempunyai beberapa Akaun yang Layak yang melayakkan mereka mendapat Cashback, hanya SATU (1) akaun sahaja akan diberi ganjaran.
11. Bagi Pelanggan yang Layak yang memegang akaun bersama dengan pihak lain, semua akaun tersebut akan dianggap sebagai satu akaun tunggal sahaja menurut nama pemegang akaun utama. Bagi akaun bersama, Cashback akan diberikan kepada pemegang akaun utama sahaja. Pelanggan yang Layak mestilah merupakan pemegang akaun utama bagi produk yang terlibat dan menyamai nama pemegang akaun utama bagi Akaun yang Layak untuk menikmati Cashback.
12. Akaun yang Layak yang dipegang oleh Pelanggan yang Layak mestilah sah dan aktif (tidak ditutup atau ditamatkan) sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank mengikut dasar dalam bank, untuk melayakkan penyertaan semasa dan selepas Tempoh Kempen bagi mendapatkan Cashback. Sekiranya dalam Tempoh Kempen dan Tempoh Penunai, Pelanggan yang Layak menutup Akaun yang Layak atas apa juga sebab, penyertaannya dalam Kempen ini dengan serta-merta akan menjadi batal dan tidak sah

Terma dan Syarat Kad Kredit

13. Kempen ini terbuka kepada semua pemohon Baharu bagi Kad (pelanggan Bank sedia ada dan baharu yang tidak mempunyai kad kredit yang dikeluarkan Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") yang memohon untuk mendapatkan Kad Kredit utama Visa Infinite atau Visa Signature atau Visa Platinum Alliance Bank yang baharu semasa Tempoh Kempen ("Pelanggan yang Layak").
14. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut, bagaimanapun, **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam kempen Cashback Perbelanjaan Kad Kredit ini:
 - a) Pekerja tetap dan/atau pekerja kontrak Bank (termasuk subsidiari dan syarikat yang berkaitan) termasuklah ahli keluarga terdekat, iaitu ibu bapa, pasangan, anak-anak dan adik-beradik masing-masing; atau
 - b) Pelanggan yang mempunyai akaun yang dormant atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - c) Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang didapati delinkuen atau tidak dikendalikan dengan memuaskan; atau
 - d) Individu yang tak solven atau yang telah dihukum bankrap; atau
 - e) Individu yang tidak waras atau bawah umur; atau
 - f) Pelanggan yang didapati mungkir dalam sebarang kemudahan yang diberi oleh Bank (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitan) pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; atau
 - g) Entiti bukan individu termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi; atau
 - h) Mana-mana individu yang diputuskan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut dasar dalamannya; atau
 - i) Pelanggan pembayaran gaji di bawah Alliance @Work
15. Dengan mendapatkan Kad Kredit utama Visa Infinite atau Visa Signature atau Visa Platinum Alliance Bank yang baharu sahaja, Pelanggan yang Layak tidak akan memperoleh Cashback daripada Kempen ini. Pelanggan yang Layak perlu mendapatkan Akaun SavePlus/-i sebagai produk yang pertama.
16. Untuk mendapatkan Lembaran Maklumat Produk bagi Kad Kredit, anda boleh merujuk kepada <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Cards/Personal/Credit-Cards/Credit-Card-Product-Disclosure-Sheet-PDS-EN.pdf>.

Terma dan Syarat Kempen Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi

17. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang merupakan pelanggan baharu dan sedia ada Bank yang memenuhi kriteria kelayakan berikut (“Pelanggan yang Layak”):
- membuat permohonan untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi baharu, yang kedua-duanya dirujuk secara kolektif sebagai (“Kemudahan”)
 - Kemudahan tersebut mestilah diluluskan dalam Tempoh Kempen dan dikeluarkan bayarannya pada atau sebelum 15 Disember 2022. Kemudahan yang tidak diluluskan dan dikeluarkan bayarannya sebelum 15 Disember 2022 tidak layak untuk mendapat ganjaran Cashback.
 - Mempunyai gaji kasar bulanan minimum sebanyak RM 3,000
18. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut **TIDAK** layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang tidak dikendalikan dengan memuaskan, atau
 - Mana-mana individu yang dikecualikan oleh Bank mengikut dasar dalamannya, atau
 - Pelanggan pembayaran gaji di bawah Alliance@Work
19. Untuk meminimumkan risiko kelewatan pembayaran ansuran dan sebagai menghormati dan memudahkan Pelanggan yang Layak, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk membuat pembayaran melalui mana-mana kaedah yang berikut:
- Buka Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (“CASA”) dengan Bank untuk membolehkan Arahan Tetap (SI) dilaksanakan. Sebagai contoh, potongan bulanan automatik dari CASA Pelanggan yang Layak. Pelanggan yang Layak perlu memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun tersebut sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh pembayaran ansuran;
 - Sekiranya tarikh pembayaran ansuran jatuh pada hari **Jumaat, Sabtu, Ahad atau hari kelepasan am** dan sekiranya Pelanggan yang Layak ingin membuat pembayaran pada **hari yang sama dengan ansuran**, Pelanggan yang Layak tersebut dinasihatkan supaya membayarnya melalui Pemindahan Dana Antara Bank (“IBFT”) di MEPS **sebelum jam 5:00 petang** menerusi ATM di mana-mana institusi kewangan atau melalui mana-mana platform perbankan dalam talian yang dipilih oleh Pelanggan yang Layak.
 - Sekiranya Pelanggan yang Layak ingin membuat pembayaran melalui **Interbank GIRO (IBG)**, Pelanggan yang Layak mestilah membuat transaksi tersebut **sekurang-kurangnya satu (1) hari bekerja sebelum** tarikh pembayaran ansuran. Sekiranya mana-mana IBG tersebut dikembalikan, Cashback akan ditamatkan dan Bank tidak akan melayan sebarang rayuan.
 - Sekiranya Pelanggan yang Layak ingin membuat pembayaran pada tarikh pembayaran ansuran, Pelanggan yang Layak mestilah membuat transaksi **sebelum 11.00 malam** pada hari tersebut.

Walaupun kaedah pembayaran telah dinyatakan di atas, kaedah yang disenaraikan tersebut bukanlah menyeluruh dan hanya dinyatakan untuk kemudahan Pelanggan yang Layak serta untuk makluman sahaja. Pelanggan yang Layak perlu bertanggungjawab pada setiap masa untuk memastikan ansuran dibayar sepenuhnya pada masa yang sepatutnya menurut tarikh pembayaran yang telah ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Pengeluaran Bayaran yang diterima daripada Bank. Caj semasa mungkin dikenakan dan perlu ditanggung oleh Pelanggan yang Layak.

20. Dengan mendapatkan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi utama yang baharu sahaja, Pelanggan yang Layak tidak akan memperoleh Cashback daripada Kempen ini. Pelanggan yang Layak perlu mendapatkan Akaun SavePlus/-i sebagai produk yang pertama.
21. Untuk Lembaran Maklumat Produk bagi Pinjaman Peribadi, anda boleh merujuk kepada <https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Financing/CashFirst->

[Personal-Loan-PDS.pdf](#) . Untuk Lembaran Maklumat Produk bagi Pembiayaan Peribadi, anda boleh merujuk kepada https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Financing/CashVantage-Financing-i-PDS_EN.pdf .

Terma dan Syarat Produk Banca

22. Kempen ini terbuka kepada Semua Pelanggan Baharu dan Sedia Ada Bank yang membeli produk Banca yang ditaja jamin oleh ZGIMB secara dalam talian (“Pelanggan yang Layak”).
23. Walaupun memenuhi yang tersebut di atas, individu berikut, bagaimanapun, tidak layak mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- I. Pelanggan yang mempunyai akaun yang dorman atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank;
 - II. Pelanggan yang mempunyai akaun dengan Bank yang didapati delinkuen atau tidak dikendalikan dengan memuaskan;
 - III. Individu yang tak solven atau yang telah dihukum bankrap;
 - IV. Pelanggan Bank yang didapati mungkir dalam sebarang kemudahan yang diberi oleh Bank (termasuk subsidiari dan syarikat berkaitan) pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - V. Entiti bukan individu termasuk tetapi tidak terhad kepada syarikat pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan kebajikan/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi;
 - VI. Mana-mana individu yang ditetapkan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut dasar dalamannya; atau
 - VII. Pelanggan pembayaran gaji di bawah Alliance@Work
24. Sekiranya permohonan insurans atau polisi ditolak, ditamatkan, dibatalkan, berada dalam tempoh bertenang atau luput dalam tempoh bertenang (14 hari bekerja selepas pendaftaran) sebelum Perlindungan bermula, Perlindungan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual A akan terbatal.
25. Dengan melanggan produk Banca yang baharu, Pelanggan yang Layak tidak akan mendapat Cashback daripada Kempen ini. Pelanggan yang Layak perlu mendapatkan Akaun SavePlus/-i sebagai produk yang pertama.
26. Untuk Lembaran Maklumat Produk Banca, anda boleh merujuk kepada <https://eins.zurich.com.my/zBanca/>

Terma dan Syarat Lain

27. Bank berhak untuk menukar tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen ini dengan memberikan notis terlebih dahulu melalui laman web rasmi Bank.
28. Penunaian Cashback sebanyak RM38 bagi pendaftaran Akaun SavePlus/-i akan dikreditkan kepada Akaun yang Layak dalam tempoh 6 minggu dari bulan pembukaan akaun manakala baki Cashback bagi Pelanggan yang Layak yang mendaftar untuk pelbagai produk akan dikreditkan dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen tamat.
29. Cashback akan dikreditkan kepada Akaun Semasa atau Simpanan (CASA) Pelanggan yang Layak. Bagi Pelanggan yang Layak yang tidak mempunyai CASA dengan Bank, Pelanggan yang Layak tersebut perlu **membuka Akaun SavePlus/-i melalui aplikasi mudah alih allianceonline, proses Kenali Pelanggan Anda secara elektronik (“eKYC”) dalam Tempoh Kempen**; atau Bank berhak untuk membatalkan Cashback.

Bagi pelanggan sedia ada yang mempunyai CASA-i dengan Bank, mereka boleh mendapatkan Cashback dengan membuat pendaftaran untuk Kad atau Pinjaman/Pembiayaan Peribadi atau Banca sebagaimana dalam Jadual A. Cashback akan dikreditkan kepada CASA sedia ada mereka.

- 30. Sekiranya Pelanggan yang Layak mempunyai beberapa CASA, ia akan dikreditkan kepada akaun yang mempunyai baki tertinggi sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.*
- 31. Alternatif tunai/kredit tidak akan ditawarkan sebagai tukaran bagi Cashback.*
- 32. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan yang tidak dikreditkan dalam tempoh penunaian yang disebabkan oleh maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk memastikan bahawa maklumat yang betul diberikan supaya tuntutan boleh diproses. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kesesakan trafik atau ketidakbolehcapaian internet.*
- 33. Pelanggan yang Layak mengakui dan menerima bahawa kegagalan dalam penyediaan dokumentasi dan maklumat menurut Terma dan Syarat Kempen ini akan mengakibatkan Pelanggan yang Layak hilang kelayakan untuk menerima Cashback tanpa sebarang liabiliti yang perlu ditanggung oleh Bank.*
- 34. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat tersebut and bersetuju untuk menerima komunikasi pemasaran langsung berkenaan produk dan perkhidmatan Bank yang berkaitan dengan Kempen ini.*
- 35. Sekiranya Pelanggan yang Layak telah mengambil bahagian dalam beberapa kempen atau promosi pada masa yang sama, Pelanggan yang Layak tersebut hanya berhak mendapat Cashback atau Ganjaran di bawah salah satu kempen atau promosi yang terlibat sahaja. Bank berhak memutuskan kempen atau promosi mana yang terpakai bagi Pelanggan yang Layak berkenaan.*
- 36. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab menjelaskan sebarang cukai, kos sampingan dan/atau caj yang berkaitan dengan mana-mana Cashback. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang cukai, kos sampingan, caj dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana Cashback tersebut dan/atau kegagalan untuk menunaikannya oleh mana-mana ejen/pembekal/pengedarnya.*
- 37. Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak apabila terdapat penggunaan Cashback tanpa kebenaran oleh mana-mana individu yang tidak diluluskan oleh Pelanggan yang Layak.*
- 38. Terma dan Syarat tersebut merupakan tambahan tanpa menjejaskan mana-mana terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir atau mengawal atur pengoperasian dan/atau pengendalian Akaun yang Layak atau sebaliknya.*
- 39. Pelanggan yang Layak selanjutnya bersetuju untuk memberikan kerjasama dan mengakuri permintaan daripada Bank bagi tujuan penganjuran, promosi dan pelaksanaan Kempen ini.*
- 40. Bank berhak untuk menyingkirkan mana-mana Pelanggan yang Layak atau membatalkan Cashback sekiranya terdapat transaksi yang melibatkan penipuan atau dibuat tanpa kebenaran atau berlaku pembalikan transaksi, atau pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran Terma dan Syarat Kempen ini menurut dasar dalaman Bank. Segala rekod Bank berhubung dengan transaksi yang dibuat adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.*

41. *Segala keputusan yang dibuat oleh Bank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan, dan sebarang rayuan, surat-menyurat atau bantahan tidak akan dilayan.*
42. *Bank berhak pada bila-bila masa untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat tersebut, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, menurut dasar dalaman Bank, dengan memberikan notis terlebih dahulu. Untuk mendapatkan versi Terma dan Syarat yang terkini, sila layari www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang maklumat yang tidak konsisten antara Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan versi yang dikemas kini, versi terkini akan mengatasi yang sebelumnya tetapi hanya setakat bahagian yang tidak konsisten tersebut sahaja.*
43. *Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Promosi ini tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang dihadapi, dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan tersebut kerana tindakan Pelanggan yang Layak itu sendiri.*
44. *Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, kebetulan, turutan, teladan, punitif, atau kerosakan khas atau prosiding yang dibawa oleh mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau pihak lain, secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh tindakan Pelanggan yang Layak itu sendiri yang berpunca dari Promosi ini.*
45. *Segala Terma dan Syarat termasuklah sebarang penambahan, pengeluaran, pengubahan dan/atau pindaan yang dibuat terhadapnya dari semasa ke semasa adalah ditadbir oleh dan diertikan menurut undang-undang Malaysia dan kecuali dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif mahkamah kompeten di Malaysia.*
46. *Pelanggan yang Layak dengan ini memberikan persetujuan yang jelas dan tidak boleh ditarik balik dan membenarkan ABMB menggunakan, menerbitkan dan/atau memaparkan nama, sebarang gambar yang diambil, sebarang video yang dirakam dan/atau maklumat lain untuk tujuan pengiklanan dan/atau promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja, tanpa sebarang pampasan kepada Pelanggan yang Layak.*
47. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Pernyataan Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf>) dan dengan ini memberi persetujuan dan kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan perkhidmatannya oleh Bank bagi tujuan Kempen ini.*
48. *Bank telah melaksanakan dan mengekalkan dasar dan prosedur yang dirangka untuk mencegah rasuah dan penyelewengan oleh Bank dan pengarah, pegawai, atau kakitangannya; dan setakat pengetahuan Bank, Bank atau mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak terlibat dalam sebarang aktiviti atau perbuatan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan antipenyelewengan yang perlu dipatuhi oleh Bank. Bank tidak pernah, dan berjanji tidak akan, merujuk kepada pengendalian kegiatan perniagaan, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk melaksanakan, atau membuat sebarang tindakan untuk memberikan sebarang bayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau lain-lain pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang pengumpunan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.*

49. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa mereka telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar antirasuah dan antipenyelewengan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan selanjutnya berjanji/mengaku janji bahawa mereka tidak akan terlibat dengan amalan penyelewengan dalam apa cara sekalipun, sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.
50. Akaun Alliance SavePlus/-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.
51. Akaun Alliance SavePlus-i adalah berasaskan konsep Syariah iaitu Tawarruq.

Manfaat insurans anda dilindungi sehingga had yang ditetapkan oleh PIDM.

PENAFIAN BAGI PRODUK-PRODUK BANCASSURANCE YANG LAYAK

Anda dinasihatkan untuk meminta salinan brosur produk, lembaran maklumat produk dan contoh produk sebelum membeli pelan insurans, dan untuk merujuk kepada terma dan syarat dalam dokumen polisi insurans untuk perincian mengenai ciri-ciri penting dan pengecualian utama dalam pelan insurans tersebut. Produk insurans yang tersebut di atas ditaja jamin oleh Zurich General Insurance Malaysia Berhad (201701035345 (1249516-V)) (ZGIMB) dan bukan merupakan produk Alliance Bank Malaysia Berhad (198201008390 (88103-w)) ("Bank"). Bank hanyalah bertindak sebagai pengedar bagi produk insurans tersebut. Segala tuntutan dan liabiliti yang timbul dari polisi tersebut perlu diselesaikan dengan ZGIMB. ZGIMB adalah syarikat insurans berlesen yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan bertanggungjawab atas produk dan manfaat yang ditawarkan, serta sebarang pernyataan yang dibuat dalam mana-mana bahan pemasaran termasuklah bahan pemasaran bank bagi produk yang ditawarkan oleh ZGIMB.